

U GB 27-01 00168 XB869

AAB

TEKS UCAPAN DR MAHATHIR PADA SIDANG KEMUNCAK ASEAN KEEMPAT
Mahathir - Teks

SINGAPURA, 27 Jan (Bernama) -- Berikut ialah teks ucapan penuh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Majlis Perasmian Sidang Kemuncak Asean Keempat di sini hari ini:-

Ingin saya nyatakan betapa gembiranya saya kerana dapat berada pada pertemuan negara-negara sahabat. Saya ucapkan taniah dan terima kasih kepada anda, saudara Pengerusi dan kepada kerajaan serta rakyat Republik Singapura kerana menjadi tuan rumah pada Persidangan Kemuncak ketua-ketua Kerajaan Asean keempat.

Saya dan rakan-rakan saya menghulurkan ucapan selamat datang ke mesyuarat kami kepada Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Papua New Guinea, Encik Rabbie Namaliu.

Pertemuan kali ini kena pada masanya kerana Asean perlu menimbangkan langkah-langkah sesuai sebagai menghadapi perubahan-perubahan yang berlaku di dunia sejak sidang kemuncak Asean di Manila pada 1987.

Penyusunan mutakhir orde politik dan ekonomi dunia adalah tidak menentu tetapi kita mesti bersiap sedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan perubahan orde ini. -- Lagi.

▼27/01/13-33MST

U GB 27-01 00149 XB870

AAB

Mahathir - Teks 2 Singapura

Di Asia Tenggara sendiri perubahan-perubahan akan berlaku dan bentuk kerjasama yang akan berlaku hendaklah begitu rupa untuk mengukuhkan lagi rantau ini dan menjadikannya terus dinamik.

Dengan masalah Kemboja hampir selesai, Asean hendaklah mengubah tindak-tanduknya yang bercorak bergeser yang menjadi satu ciri Asia Tenggara pada masa lalu kepada satu hubungan yang membina.

Bukannya secara kebetulan negara Asia Tenggara daripada kalangan negara anggota Asean, ialah antara kumpulan yang paling dinamik di dunia.

Kita telah menunjukkan bahawa kerjasama dan hidup saling berbaik-baik serta keinginan untuk membantu satu sama lain boleh menyumbang ke arah pembangunan yang pesat.

Dengan itu sekiranya semua negara di Asia Tenggara mengamalkan pendekatan seumpama ini dalam pembangunan ekonomi dan hubungan berbaik-baik sangka dengan negara jiran maka semua negara akan sama-sama menikmati kemakmuran. Sebuah rantau yang makmur akan dihormati dan memperoleh pengaruh. -- Lagi.

▼27/01/13-42MST

CNS7020

U GB 27-01 00176 XB871

AAB

Mahathir - Teks 3 Singapura

Asean dengan itu hendaklah mengambil inisiatif untuk menyusun semula hubungannya dengan negara Indochina. Kita boleh memulakannya dengan mewujudkan hubungan rapat dan positif dengan negara-negara itu, secara dua hala dan berkumpulan.

Jika mereka ingin berbuat demikian kita hendaklah menyambut baik hasrat mereka untuk menjadi anggota Asean dengan menerima dan memperakui Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama.

Kita hendaklah menggalak dan mengembangkan konsep Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN) serta Zon Bebas daripada Senjata Nuklear.

Saya berharap kuasa tentera teragung dengan agensi perisikan paling efisien tersilap semasa meramalkan kemungkinan berlakunya *Perang Teluk+ di Asia Tenggara yang hanya dapat dihalang kehadiran tentera mereka.

Kini semua negara Asia Tenggara patut telah mempelajari betapa sia-siannya perang seperti perang penaklukan Teluk.

Mereka sepatutnya mendapati bahawa pembangunan ekonomi dan perdagangan dengan negara jiran memberi faedah yang tinggi.

Jiran-jiran yang miskin tidak berguna kepada sesiapa. Masalah kemiskinan kemungkinan akan melimpah dalam bentuk orang pelarian, penyeludupan, pasaran gelap dan lain-lain. Negara miskin bukan rakan dagang yang baik. -- Lagi.

▼27/01/13-50MST

CNS7021

U GB 27-01 00176 XB872

AAB

Mahathir - Teks 4 Singapura

Membantu negara jiran untuk menjadi sebuah negara makmur memberi faedah kepada kedua-dua pihak.

Sekiranya Asean ingin menjadi stabil dan makmur maka ia hendaklah membantu negara jirannya untuk menjadi makmur. Yang penting ialah untuk menghindari pertelagahan.

Kita tidak harus membiarkan sistem politik yang berbeza menjadi batu penghalang untuk mencapai kerjasama yang bermakna, kita tidak boleh membantu regim-regim yang menindas yang tidak mengendahkan langsung kepentingan rakyat mereka sendiri.

Tanpa campurtangan dalam hal ehwal dalam negeri, negara yang merdeka, kita hendaklah terus berusaha memastikan kewujudan satu +standard+ kerajaan yang baik yang dapat diterima.

Untuk mendakwa bahawa terdapat hanya satu sistem yang betul dan adil merupakan puncak keangkuhan. Juga satu perbuatan angkuh untuk menyatakan bahawa terdapat hanya satu sistem kerajaan yang betul dan adil.

Hakikatnya ialah sistem demokrasi pun boleh membawa kesengsaraan kepada begitu ramai manusia.

Ini dapat dilihat daripada berlakunya keganasan dan pembunuhan semasa pilihan raya dan kekerapan rusuhan dan pemogokan yang mengurangkan produktiviti sesebuah negara dan mengekalkan kemiskinan. -- Lagi.

▼27/01/13-57MST

AAB

Mahathir - Teks 5 Singapura

Kita lihat pada masa ini ada kerajaan yang dipilih secara demokratik meniadakan hak berpolitik rakyatnya, mengusir mereka, mengganas, membunuh dan pada umumnya bertindak sebagai penjahat tetapi masih disokong oleh demokrasi hanya kerana ia ditakrif sebagai demokratik.

Rak-rak kosong dan kelaparan yang dilihat di negara demokrasi baru dalam Komanwel Negara Bebas dan Eropah Timur ialah satu lagi bukti kepincangan demokrasi.

Kita jangan menekankan perkara remah temeh sehingga lupa kepada perkara yang lebih besar dan penting. Demokrasi bukannya penawar universal yang dilaung-laungkan selama ini.

Untuk mencapai kejayaan harus terdapat kewaspadaan dalam melaksanakan proses demokrasi. Tiada sesiapa yang harus dipaksa atau tergesa-gesa menyertai sistem yang bukan sesuatu yang lazim bagi mereka.

Pada peringkat antarabangsa pula, pengwujudan kumpulan-kumpulan ekonomi yang kuat untuk memperjuangkan kepentingan serantau telah menjadi kenyataan kehidupan ekonomi antarabangsa.

Perdagangan antarabangsa dan hubungan ekonomi lain kini semakin banyak diusahakan untuk melindungi kedudukan blok perdagangan yang kuat. -- Lagi.

♥27/01/14-00MST

AAB

(ULANGAN DENGAN PEMBETULAN)

Mahathir - Teks 6 Singapura

Dalam dunia dengan penduduk dan negara-negara mengurus kegiatan mereka secara serantau, adalah tidak bersalahan bagi negara-negara Asia Timur untuk bersatu.

Asia Timur ialah satu entiti geografi seperti juga Eropah atau Amerika. Begitu jugalah Asia Tenggara.

Apakah sebabnya negara-negara Asia Timur tidak boleh menubuhkan sebuah perundingan dan hidup bersama dengan pertubuhan lain di rantau Asia Pasifik jika Asia Tenggara boleh menubuhkan sebuah persatuan untuk memperolehi keuntungan bersama dan masih dapat menyesuaikan diri dengan anggota-anggota pertubuhan Asia Pasifik yang lain.

Pengalaman Asean menunjukkan bahawa apabila negara-negara dalam satu kawasan serantau saling berunding dan bekerjasama serta bercakap dengan satu suara, status dan pengaruhnya semakin bertambah kukuh.

Negara dan kumpulan lain sudah pasti tidak akan mengadakan dialog dengan setiap negara anggota secara berasingan. Namun begitu sebagai satu kumpulan, mereka, tidak dapat tidak, akan terpaksa berbuat demikian. Dan dalam proses ini kami telah memperolehi dan kemudian membangun dengan lebih pesat daripada negara yang tidak menyertai kumpulan serantau di rantau ini.+ -- Lagi.

♥27/01/14-13MST

U GB 27-01 00164 XB877

AAB

Mahathir - Teks 7 Singapura

Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) tidak akan menjadi sebarang blok perdagangan atau ekonomi tetapi satu perundingan, satu pertemuan negara Asia Timur untuk tujuan berunding dan mendapatkan kata sepakat untuk bercakap dengan satu suara pada persidangan-persidangan perdagangan. Itu sahaja.

Kami tidak faham mengapa kami tidak dibenar untuk berbincang antara satu sama lain ataupun memanggil diri kami rakyat Asia Timur. Adakah ini satu tanda awal Orde Baru Dunia?

Dalam konteks ini, mereka memerlukan sebuah Asean yang kukuh untuk membolehkannya menghadapi ketidakpastian baru dalam persekitaran Asia Pasifik yang lebih luas serta dunia yang semakin pesat berubah.

Semasa berlakunya Perang Dingin kita semua ingin bebas daripada konflik yang menekan ini dan perbalahan proksi dan perpecahan yang dihasilkannya.

Kami di Asean kini berhak untuk menjadi lebih bebas memandangkan pihak kami yang menang. Bagaimanapun nampaknya bahawa kami kini tidak sebebaskan dulu.

Orde Baru Dunia yang sedang direncanakan sebenarnya terlalu banyak halangan. -- Lagi.

▼27/01/14-16MST

U GB 27-01 00140 SP420

aab

Mahathir-teks 8 Singapura

Malangnya, terlalu banyak tumpuan diberikan terhadap hutan tropika dan peranannya dalam pembekalan oksigen, pemeliharaan flora dan fauna, dan pengimbangan ekologi.

Kenyataannya ialah negara kaya yang berjumlah 20 peratus di dunia menyebabkan 80 peratus daripada pengeluaran gas rumah kaca. Tiga puluh peratus daripada pengeluaran karbon dioksida datangnya daripada kuasa perindustrian sahaja.

Sebaliknya, di negara-negara membangun, 1.5 billion penduduk tinggal dalam kemiskinan teruk. Nasib mereka tidak difikirkan apabila sumber utama pendapatan mereka, barangan hutan tropika, dipulaukan.

Sekiranya hutan dapat menyelamatkan dunia daripada kesan rumah kaca, maka tumpuan seharusnya diberi kepada usaha menghijaukan semula dunia secara besar-besaran.

Harus diingatkan bahawa pada satu ketika dahulu, dunia hampir tertutup dengan hutan.

Perubahan-perubahan biasa dan juga perubahan-perubahan yang disebabkan oleh manusia telah memusnahkan sebahagian besar daripada tutupan hutan itu.

-- Lagi

▼27/01/15-30MST

U GB 27-01 00183 SP421

aab

Mahathir-teks 9 Singapura

Dengan kemewahan dan teknologi yang ada pada negara-negara yang kaya, adalah memungkinkan mereka untuk menanam dan menutupi dunia, termasuk juga kawasan gurun, dengan tumbuh-tumbuhan, termasuk pokok jati tropika.

Penebangan balak secara terkawal boleh diteruskan tetapi dalam tempoh 100 tahun, akan wujud tiga kali ganda kawasan pokok tropika daripada keluasan kawasan yang ada sekarang.

Satu isu yang tidak diberi perhatian langsung ialah mengenai kebakaran hutan yang telah menyebabkan pemusnahan lebih besar kepada alam sekitar daripada penebangan balak secara terkawal.

Negara-negara membangun tidak mempunyai keupayaan kewangan dan teknologi untuk mengatasi secara berkesan kebakaran hutan yang boleh berterusan berminggu-minggu dan berbulan-bulan lamanya.

Sudah tentu lebih banyak hutan dapat diselamatkan dengan menyekat kebakaran hutan ataupun memadamnya segera daripada dengan memulaukan eksport kayu tropika atau memperjuangkan supaya penghuni hutan terus menetap dalam hutan, memakan monyet dan merana kerana pelbagai jenis penyakit tropika.

Ada pihak mendakwa bahawa hutan tropika merupakan warisan umum dunia. Kita tidak mempertikaikan ini, kerana kita mempunyai hak yang lebih kepada hutan kita daripada mereka yang mendakwa memiliki Antarctica. -- Lagi

♥27/01/15-34MST

U GB 27-01 00134 SP422

aab

Mahathir-teks 10 Singapura

Tetapi jika dunia terlalu prihatin terhadap pengurangan hutan tropika dan berpendapat mereka mempunyai hak ke atasnya, maka mereka seharusnya berbuat sesuatu mengenai kebakaran hutan di tropika.

Peralatan yang besar dan berharga terdapat di kesemua negara kaya Utara.

Kebanyakannya kurang digunakan apabila tidak berlaku kebakaran.

Hanya perkara mudah bagi menubuhkan sebuah pertubuhan antarabangsa untuk penyenggaraan kesemua peralatan itu dan menggunakannya di negara-negara tropika miskin apabila berlaku sesuatu kebakaran hutan.

Cara ini lebih konstruktif daripada menggembar gemburkan pemusnahan keluasan hutan tropika sehari-hari ataupun bagaimana 300 orang Penan kehilangan berjuta-juta hektar kawasan memburu.

Sementara kita mempertikaikan dakwaan bahawa hutan-hutan kita dimiliki oleh seluruh dunia, kita sentiasa menerima bahawa selat-selat dan laluan-laluan laut tertentu yang melalui perairan kita adalah perairan antarabangsa. -- Lagi

♥27/01/15-37MST

CNS7122

U GB 27-01 00120 SP423

aab

Mahathir-teks 11 Singapura

Laluan laut antarabangsa yang terkenal ialah Selat Melaka.

Tidak menjadi kebimbangan kepada negara-negara pesisir apabila kapal yang melalui selat-selat adalah kecil, tidak kerap dan tidak membawa kargo berbahaya.

Tetapi kini, bukan sahaja bilangan kapal itu bertambah berkali-kali ganda, bahkan saiz kapal-kapal itu pula besar-besar.

Selain daripada itu, kargo yang dibawa kebiasaannya jenis berbahaya; sebagai contoh kapal-kapal tangki minyak dan kimia.

Sudahpun berlaku pelanggaran-pelanggaran dan tumpahan minyak ke dalam laut yang kemudian mengalir ke pantai.

Bukan sahaja membersihkan tumpuan itu terlalu mahal, bahkan ia menyebabkan pemusnahan besar kepada industri perikanan dan industri pelancongan kita. Ia mengambil masa berbulan-bulan sebelum pembiakan perikanan kembali sedia kala. -- Lagi

▼27/01/15-57MST

CNS7134

U GB 27-01 00200 SP424

aab

Mahathir - Teks 12 Singapura

Sekarang kita ada masalah -- lanun. Lanun-lanun bukan hendakkan kargo yang diangkut oleh kapal-kapal itu tetapi wang dan barang berharga milik anak-anak kapal.

Pada malam yang gelap, mereka memanjat ke atas kapal dan mengikat anak-anak kapal sementara mereka menyelongkar dan merompak. Kemudian mereka lari dan meninggalkan anak-anak kapal yang masih diikat.

Selama berjam-jam kapal itu akan bergerak tanpa dikemudi. Kapal itu mungkin melencong daripada haluan sebenarnya atau mungkin juga berlanggar dengan kapal-kapal lain atau tersadai dan ini boleh menyebabkan pelbagai kerosakan.

Tanggungjawab siapakah untuk menjamin perairan antarabangsa selamat? Negara-negara pesisir tentu tidak mahu memikul tanggung jawab itu. Mereka tidak kaya.

Sebaliknya, kos untuk rondaan maritim di laut dan udara pula sangat mahal. Perbelanjaan menyelenggara peralatan dan pengambilan kakitangan untuk memerangi tumpahan minyak juga tinggi.

Jika dunia sangat gemar menuntut hak, mereka juga patut sanggup memikul tanggungjawab ini. Sudah sampai masanya masyarakat dunia mengambil berat akan masalah-masalah yang berlaku dan bahaya yang dihadapi oleh negara-negara pesisir.

Adakah melampau meminta agar mereka yang menggunakan laluan laut dan negara-negara maritim menyumbang kepada kos untuk menjamin selat dan terusan air bebas dan selamat? -- Lagi

▼27/01/16-05MST

CNS7155

U GB 27-01 00129 SP425

bah

Mahathir-teks 13 Singapura

Asean tanpa diragu-ragukan ialah kumpulan serantau yang paling berjaya di kalangan negara-negara membangun.

Kita bertemu pada awalnya kerana kita perlu mempunyai forum untuk menyelesaikan masalah-masalah sempadan yang wujud pada zaman lepas penjajahan.

Kita belum dapat menyelesaikan kesemua masalah ini tetapi kita sekurang-kurangnya bersetuju bahawa cara Asean ialah menerusi hubungan berhubung dan perundingan.

Selepas kita bertemu, kita rasakan adalah lebih berfaedah lagi untuk turut mengadakan kerjasama ekonomi.

Sekali lagi, dengan ekonomi-ekonomi kita yang bersaing kita masih belum mencapai kejayaan. Bagaimanapun kita masih meneruskan kemaraan.

Tetapi pada masa yang sama, dunia telah berubah secara mendadak. Saya tidak akan mengulangi apakah perubahan-perubahan itu. Apa yang pasti ialah kita akan menerima kesan daripada perubahan-perubahan itu. -- Lagi

▼27/01/16-23MST

CNS7166

U GB 27-01 00115 SP426

aab

Mahathir- Teks 14 (akhir) Singapura

Kita boleh mengatasinya, saya fikir. Kita boleh maju daripada hasil perubahan-perubahan ini. Tetapi terpulanglah kepada kita untuk membentuk penerimaan kita supaya menjadi lebih kuat dan lebih maju daripada perubahan-perubahan yang berlaku itu.

Ini memerlukan kebijaksanaan kita untuk berbuat demikian. Asean mesti bangkit daripada pembangunan semula dunia ini, lebih bebas, lebih ketahanan diri dan lebih maju daripada sebelumnya.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada saudara, kerajaan dan rakyat Singapura kerana sambutan yang mesra yang diberikan kepada saya dan delegasi saya.

Saya yakin Mesyuarat Sidang Kemuncak Asean keempat yang dipengerusikan oleh saudara akan mencapai kejayaan cemerlang. -- Bernama

▼27/01/16-30MST